



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN**

**TATACARA PELUPUSAN
MODEL KAJIAN ORTODONTIK
DI FASILITI**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**2
0
2
3**

KANDUNGAN

PRAKATA	1
1. PENGENALAN.....	3
2. KENYATAAN MASALAH.....	4
3. RASIONAL	4
4. OBJEKTIF	5
4.1 Objektif Am.....	5
4.2 Objektif Khusus	5
5. PELAKSANAAN TATACARA PELUPUSAN MODEL KAJIAN ORTODONTIK.....	5
6. PROSEDUR PELUPUSAN MODEL KAJIAN ORTODONTIK	5
6.1 Pengenalpastian Model Kajian Ortodontik untuk Pelupusan.....	5
6.2 Pelupusan Model Kajian Ortodontik.....	6
6.2.1 Model Kajian Ortodontik yang Melebihi Tujuh (7) Tahun Tempoh Penyimpanan.....	6
6.2.2 Model Kajian Ortodontik yang Kurang daripada Tujuh (7) Tahun Tempoh Penyimpanan.....	7
6.3 Penyerahan Model Kajian Ortodontik kepada Pesakit	7
7. KESIMPULAN	7
8. RUJUKAN	8
9. LAMPIRAN	9
9.1 Carta Alir Pelupusan Model Kajian Ortodontik (Lampiran A)	10
9.2 Surat Akuan Tidak Setuju Rawatan / Prosedur (Lampiran B).....	11
9.3 Surat Permohonan Pelupusan Model Kajian Ortodontik (Lampiran C).....	12
10. PENGHARGAAN	13



PRAKATA

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Perkhidmatan Ortodontik merupakan salah satu cabang rawatan pergigian kepakaran yang ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkaitan diagnosis, pencegahan, pengurusan dan pembetulan masalah rahang serta susunan gigi di dalam mulut. Model kajian ortodontik adalah rekod perubatan yang menyediakan maklumat penting tentang gigi dan gigitan oklusi seseorang pesakit. Ia membantu Pakar Ortodontik mengkaji oklusi dan susunan gigi secara tiga (3) dimensi dan memantau perubahan yang berlaku semasa rawatan dijalankan. Model kajian ortodontik berfungsi sebagai bukti *medico-legal* apabila perlu. Oleh yang demikian, penyimpanan dan pengarkiban model kajian ortodontik merupakan tanggungjawab Pakar Ortodontik.

Merujuk kepada data *Health Information Management System* (HIMS) kepakaran Ortodontik KKM bagi tahun 2019 hingga 2022, jumlah pesakit yang dirawat oleh perkhidmatan Kepekaran Ortodontik adalah seramai 47,726 orang pesakit dan bilangan model kajian ortodontik yang perlu disediakan bagi pesakit ortodontik adalah sangat tinggi. Jumlah model pergigian yang perlu disediakan untuk pesakit dari tahun 2019 sehingga 2022 melibatkan anggaran kos sebanyak RM397,557.00 dan ruang penyimpanan yang diperlukan untuk menyimpan kesemua model ini dianggarkan seluas 80 meter persegi. Dijangkakan dengan bilangan pesakit yang bertambah dari semasa ke semasa ini akan menimbulkan masalah ruang penyimpanan model kajian di fasiliti perkhidmatan Ortodontik KKM.

Sejajar dengan perubahan landskap semasa ke arah era digitalisasi, penggunaan *digital scanner*, model-model kajian ortodontik dapat disimpan secara digital dan akan dapat mengatasi masalah ruang penyimpanan. Selain itu, teknologi ini juga berpotensi meningkatkan pemantauan maklumat kesihatan pergigian ke arah penyampaian maklum balas yang lebih efisien dan efektif terhadap perkhidmatan kepekaran ortodontik yang diberikan kepada pesakit serta pihak-pihak berkepentingan termasuklah pembuat dasar menerusi analisis data demografi yang bersesuaian.

Tatacara Pelupusan Model Kajian Ortodontik yang dihasilkan boleh dijadikan panduan dan rujukan bagi melaksanakan pelupusan model kajian di semua fasiliti kesihatan pergigian KKM agar pelupusan model-model kajian ortodontik dapat diuruskan dengan lebih baik dan seragam. Sejalan dengan perubahan landskap semasa ke arah era digitalisasi, diharapkan ianya dapat diperkembangkan dengan lebih maju dalam bidang pergigian. Dengan penggunaan *digital scanner*, model-model kajian ortodontik dapat disimpan secara digital dan akan dapat mengatasi masalah ruang penyimpanan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat untuk menghasilkan tatacara ini dan diharapkan ianya dapat dijadikan sebagai panduan untuk menguruskan proses pelupusan model-model kajian ortodontik di fasiliti pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Noormi', with a long horizontal stroke extending to the right.

DR. NOORMI BINTI OTHMAN

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

1. PENGENALAN

Model kajian ortodontik adalah sejenis rekod pergigian yang diperlukan semasa proses pemeriksaan dan diagnosis dari segi oklusi dan kegigian dalam tiga (3) dimensi. Ia digunakan secara meluas untuk pelbagai tujuan dalam bidang pergigian. Model kajian ortodontik dilabel dengan Nama Pesakit, Nombor Pengenalan/Pendaftaran dan tarikh model kajian dibuat. Selain itu, rekod perubatan lain seperti gambar, audio dan audio-visual hendaklah disimpan di dalam kad rawatan peribadi pesakit dan ia terpakai juga sekiranya sistem elektronik digunakan. Model kajian ortodontik disimpan di dalam fasiliti sehingga rawatan ortodontik setiap pesakit selesai. Walau bagaimanapun, ia boleh terus disimpan sekiranya ada keperluan untuk siasatan perundangan atau kajian dan pembelajaran

Dalam bidang ortodontik, model kajian ortodontik berfungsi sebagai rekod penting yang memberi gambaran jelas tentang gigi dan oklusi pesakit, di mana ia membantu dalam diagnosis dan perancangan rawatan¹. Selain itu, ia juga membantu dalam tujuan penerangan rancangan rawatan dan pemantauan sama ada rawatan yang diberikan mengikut perancangan. Model kajian ortodontik yang baik memainkan peranan penting dalam pendidikan pesakit, membolehkan mereka menggambarkan proses rawatan dan bermotivasi untuk menjalankan rawatan¹. Setelah rawatan selesai, model kajian ortodontik juga diperlukan untuk tujuan pemantauan kualiti hasil rawatan ortodontik.

Lazimnya, rekod perubatan perkhidmatan pergigian sama ada fizikal atau digital perlu disimpan selama tujuh (7) tahun daripada tarikh terakhir pesakit mendapatkan rawatan direkodkan². Setelah tamat tempoh penyimpanan, model-model kajian dan maklumat dalam sistem elektronik ini perlu dilupuskan secara sulit dan selamat³. Untuk menjamin kerahsiaan rekod ini, maklumat pengenalan pesakit pada model kajian seperti Nama Pesakit, Nombor Pengenalan/Pendaftaran dan tarikh model kajian dibuat perlu dihapuskan sebelum proses pelupusan dilaksanakan.

Pada masa ini, tiada garis panduan yang jelas tentang tatacara pelupusan model kajian ortodontik di Malaysia. Penyerahan model kajian ortodontik kepada pesakit selepas tamat rawatan aktif merupakan pilihan untuk mengatasi masalah kekangan ruang penyimpanan

¹ *Orthodontic records: collection and management, British Orthodontic Society 2015*

² Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (2016). Jadual Pelupusan Rekod Perubatan di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (Edisi Pertama) Putrajaya.

model kajian ortodontik secara fizikal. Namun demikian, salinan perlu dibuat dalam bentuk *soft* atau *hard copy* dan didokumentasi dalam rekod pesakit.

2. KENYATAAN MASALAH

Penyimpanan rekod pesakit termasuk model kajian ortodontik dengan selamat adalah tanggungjawab bersama. Bagi mengelak sebarang kerosakan, model kajian ortodontik perlu disimpan di dalam kotak khas yang berlabel dengan maklumat pesakit dimana nama, nombor pendaftaran dan tarikh model diambil sehingga rawatan selesai selagi ia tidak melibatkan penyiasatan undang-undang. Oleh itu, keperluan ruang untuk penyimpanan model kajian ortodontik semakin bertambah dari masa ke semasa. Hasil tinjauan atas talian menunjukkan 92.8 peratus (64 buah daripada 69 buah) Unit Pakar Ortodontik di fasiliti KKM mempunyai masalah ruang penyimpanan yang kritikal. Namun bukan semua fasiliti Klinik Pakar Ortodontik dilengkapi dengan kemudahan ruang yang mencukupi untuk penyimpanan model kajian ortodontik secara fizikal.

Untuk menangani isu kekangan ruang penyimpanan, penyerahan model kajian ortodontik adalah dicadangkan kepada pesakit yang telah tamat rawatan dan discaj sebagai alternatif kepada pelupusan model kajian ortodontik dengan syarat ia direkodkan dan disimpan secara digital dalam kad rawatan pesakit.

3. RASIONAL

Tatacara ini disediakan untuk menangani masalah-masalah berikut:

- i. Kekangan ruang penyimpanan model kajian ortodontik di kebanyakan Klinik Pakar Ortodontik yang semakin kritikal.
- ii. Tiada penyeragaman dalam tempoh penyimpanan dan pelupusan model kajian ortodontik kerana ia tidak disenaraikan dalam Jadual Pelupusan Rekod Perubatan 2016 ³.
- iii. Tiada punca kuasa dalam penyerahan model kajian ortodontik kepada pesakit yang boleh menimbulkan implikasi dari isu *medico-legal* dan audit.

³ Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 17/2010: Garis Panduan Pengendalian dan Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit bagi Hospital-Hospital dan Institusi Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia

4. OBJEKTIF

4.1 Objektif Am

Menyediakan tatacara dan prosedur pelupusan model kajian ortodontik untuk menjadi panduan kepada Unit/Klinik Pakar Ortodontik di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.

4.2 Objektif Khusus

- i. Menyenaraikan kriteria model kajian ortodontik untuk pelupusan
- ii. Menyediakan prosedur pelupusan model kajian ortodontik bagi pesakit yang telah tamat rawatan ortodontik melebihi tujuh (7) tahun
- iii. Menyediakan prosedur pelupusan model kajian ortodontik bagi pesakit yang telah tamat rawatan ortodontik kurang daripada tujuh (7) tahun

5. PELAKSANAAN TATACARA PELUPUSAN MODEL KAJIAN ORTODONTIK

Prosedur pelupusan model kajian ortodontik perlu mengambilkira tempoh model kajian ortodontik disimpan selepas pesakit tamat rawatan aktif termasuk fasa pemegangan (*retention phase*). Pelupusan model kajian ortodontik yang melebihi tujuh (7) tahun boleh dilupuskan dengan segera. Walau bagaimanapun, model kajian ortodontik yang kurang daripada tujuh (7) tahun dilupuskan selepas mendapat persetujuan Pakar Ortodontik mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Selain itu, ia juga bergantung kepada persetujuan pesakit untuk menerima model kajian tersebut atau sebaliknya. Model kajian ortodontik yang diserahkan kepada pesakit hendaklah di simpan dalam bentuk digital dan didokumenkan dalam kad rawatan pesakit dengan jelas.

6. PROSEDUR PELUPUSAN MODEL KAJIAN ORTODONTIK

Carta aliran bagi pelupusan model kajian ortodontik di Klinik Pakar Ortodontik adalah seperti di **Lampiran A**.

6.1 Pengenalpastian Model Kajian Ortodontik untuk Pelupusan

Kriteria model kajian ortodontik untuk tujuan pelupusan adalah seperti berikut:

- i. Model kajian ortodontik bagi pesakit yang telah tamat rawatan aktif termasuk fasa pemegangan (*retention*) dan discaj.

- ii. Model kajian ortodontik bagi pesakit yang tidak berminat untuk meneruskan rawatan (Pengisian Surat Akuan Tidak Setuju Rawatan/Prosedur PER/REFUSE/2016 (**Lampiran B**)⁴.
- iii. Model kajian ortodontik bagi pesakit yang terlibat dalam penyelidikan dan pembelajaran yang telah selesai

Walau bagaimanapun, terdapat model kajian ortodontik yang disimpan di klinik untuk tempoh yang panjang seperti kes-kes pesakit klef lelangit dan bibir atau model kajian ortodontik yang digunakan untuk tujuan pembelajaran, contohnya untuk kalibrasi *Index of Orthodontic Treatment Needs* (IOTN). Pakar Ortodontik berhak untuk menyimpan model kajian ortodontik tersebut sehingga suatu tempoh yang dianggap sesuai dan mengikut keperluan.

6.2 Pelupusan Model Kajian Ortodontik

Pelupusan model kajian ortodontik setelah tamat rawatan dan discaj adalah satu kaedah untuk menangani masalah ruang penyimpanan di Klinik Pakar Ortodontik. Model kajian ortodontik tidak dikategorikan sebagai buangan terjadual mengikut surat dengan tajuk Permohonan Pelupusan Model Kajian Ortodontik bagi Klinik Pergigian Pakar Ortodontik Negeri Kedah dari Jabatan Alam Sekitar dengan No. Rujukan: AS(B)K 92/000/104/007 Jld 19 (19) bertarikh 14 Oktober 2021 (**Lampiran C**). Cara pelupusan adalah melalui pembuangan di tapak pelupusan sanitari⁵. Walau bagaimanapun, maklumat pengenalan pesakit pada model kajian ortodontik perlu dihapuskan terlebih dahulu sebelum pelupusan bagi mengelakkan isu berbangkit di kemudian hari.

Model kajian ortodontik yang dikenal pasti untuk pelupusan dikategorikan mengikut tempoh penyimpanan daripada tarikh pesakit tamat rawatan dan didiscaj seperti berikut:

6.2.1 Model Kajian Ortodontik yang Melebihi Tujuh (7) Tahun Tempoh Penyimpanan

Model kajian ortodontik yang berada dalam simpanan dan melebihi tujuh (7) tahun dari tarikh akhir pesakit datang ke klinik boleh dilupuskan tanpa membuat salinan *soft* atau *hard copy*.

⁴ Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (2019). Pengurusan Kebenaran Rawatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia (Edisi Kedua). Putrajaya.

⁵ World Health Organization. Regional Office for the Western Pacific. (2006). *Medical records manual: a guide for developing countries*. WHO Regional Office for the Western Pacific. <https://apps.who.int/iris/handle/10665/20812>

6.2.2 Model Kajian Ortodontik yang Kurang daripada Tujuh (7) Tahun Tempoh Penyimpanan

Model kajian ortodontik bagi pesakit yang telah tamat rawatan ortodontik tetapi belum melebihi tujuh (7) tahun penyimpanan, salinan *hard / soft copy* perlu dilakukan sebelum pelupusan. Sebagai alternatif, pihak klinik boleh menghubungi pesakit untuk menyerahkan model kajian ortodontik mereka. Prosedur penyerahan adalah mengikut tatacara penyerahan model kajian ortodontik kepada pesakit seperti yang dijelaskan di perenggan 6.3.

6.3 Penyerahan Model Kajian Ortodontik kepada Pesakit

Pihak klinik boleh menawarkan kepada pesakit untuk penyerahan model kajian ortodontik kepada mereka. Sebelum penyerahan model kajian ortodontik, Pakar Ortodontik perlu membuat salinan model kajian ortodontik tersebut dan menyimpan dalam bentuk *soft / hard copy* untuk tujuan *medico-legal* dan audit. Sekiranya pesakit bersetuju menerima model kajian ortodontik, pesakit perlu menandatangani akuan penerimaan model kajian ortodontik di dalam kad rawatan ortodontik (LP7) sebagai bukti penyerahan model kajian ortodontik kepada pesakit⁵.

Sekiranya model kajian ortodontik tidak diserahkan kepada pesakit, pelupusan melalui pemusnahan model kajian ortodontik boleh dijalankan. Semua rekod tersebut perlu disimpan bersama dengan rekod klinikal pesakit untuk tujuan penyimpanan rekod perubatan selama (7) tahun dari tarikh akhir rawatan aktif pesakit sebelum pelupusan dilaksanakan.

7. KESIMPULAN

Peningkatan permintaan untuk rawatan ortodontik telah menyebabkan jumlah model kajian ortodontik pesakit di Klinik Pakar Ortodontik di seluruh negara semakin meningkat dan telah menimbulkan isu kekurangan ruang penyimpanan dan keselamatan model-model kajian ortodontik ini.

Salah satu cara untuk menangani masalah ini adalah dengan menyerahkan model kajian ortodontik kepada pesakit setelah tamat rawatan atau dilupuskan melalui prosedur yang sewajarnya. Tatacara ini akan dapat memberi panduan yang lebih jelas mengenai pelupusan model kajian ortodontik kepada Perkhidmatan Kepakaran Ortodontik, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dokumentasi model kajian ortodontik yang akan dilupuskan boleh disimpan dalam bentuk *hard* atau *soft copy* menggunakan kaedah fotografi dari pelbagai sisi. Selain itu, pada masa hadapan, penggunaan *intra-oral scanner* dan teknologi digital boleh dipertimbangkan sebagai alternatif kepada penyimpanan model kajian ortodontik secara fizikal⁶. Melalui pengimbasan mulut pesakit, imej yang dihasilkan boleh diguna pakai sepertimana model kajian ortodontik fizikal. Semua imej pengimbasan ini boleh disimpan dalam bentuk *soft copy* dan ini akan mengatasi masalah ruang penyimpanan dan jika perlu, ianya boleh dicetak dalam bentuk tiga (3) dimensi. Penggunaan *intra-oral scanner* tidak terhad kepada penghasilan model kajian ortodontik sahaja, malah ia boleh digunakan dalam rawatan pergigian seperti pembuatan dentur, rawatan prostodontik dan implan pergigian. Sebagai permulaan, *intraoral scanner* boleh ditempatkan di pusat atau klinik kepakaran pergigian dan diguna sama oleh semua kepakaran. Ini sekaligus mengoptimumkan penggunaannya dan menjimatkan kos pembelian, pemasangan dan penyelenggaraan. Dalam jangka masa panjang, penggunaan *intra-oral scanner* boleh diperluaskan kepada semua fasiliti pergigian. Tarikh kuatkuasa penggunaan Tatacara Pelupusan Model Kajian Ortodontik di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia ini adalah seperti di surat edaran.

8. RUJUKAN

- 1) *British Orthodontic Society (2015). Orthodontic records: collection and management. London.*
- 2) Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (2016). Jadual Pelupusan Rekod Perubatan di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (Edisi Pertama) Putrajaya.
- 3) Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 17/2010, Garis Panduan Pengendalian dan Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit bagi Hospital-Hospital dan Institusi Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia
- 4) Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (2019). Pengurusan Kebenaran Rawatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia (Edisi Kedua). Putrajaya.
- 5) *World Health Organization. Regional Office for the Western Pacific. (2006) . Medical records manual: a guide for developing countries. WHO Regional Office for the*

⁶ Brian Rheudea, P. Lionel Sadowskyb, Andre Ferrierac and Alex Jacobsond. *An Evaluation of the Use of Digital Study Models in. Orthodontic Diagnosis and Treatment Planning. Angle Orthodontist, Vol 75, No 3, 2005.*

Western Pacific. <https://apps.who.int/iris/handle/10665/208125>Medical Records Manual. A Guide for Developing Countries, World Health Organisation, March 2001

- 6) *Brian Rheudea, P. Lionel Sadowskyb, Andre Ferrierac and Alex Jacobsond. An Evaluation of the Use of Digital Study Models in Orthodontic Diagnosis and Treatment Planning. Angle Orthodontist, Vol 75, No 3, 2005.*


9. LAMPIRAN

9.1 : Carta Alir Pelupusan Model Kajian Ortodontik (Lampiran A)

9.2 : Surat Akuan Tidak Setuju Rawatan/ Prosedur PER/ REFUSE/ 2016 (Lampiran B)

9.3 : Surat Permohonan Pelupusan Model Kajian Ortodontik bagi Klinik Pergigian Pakar Ortodontik Negeri Kedah dari Jabatan Alam Sekitar (Lampiran C)

Carta Alir Pelupusan Model Kajian Ortodontik



Glosari:

- PO** - Pakar Ortodontik
- PP** - Pegawai Pergigian
- JPO** - Juruterapi Pergigian Pos Basik Ortodontik
- PPP** - Pembantu Pembedahan Pergigian

Surat Akuan Tidak Setuju Rawatan / Prosedur



HOSPITAL _____

SURAT AKUAN TIDAK SETUJU RAWATAN/PROSEDUR

PER/REFUSE/2016

Saya, _____ No. KP/ID _____,
adalah *pesakit sendiri/ibu/bapa/suami/isteri/anak/penjaga/saudara kepada pesakit,
_____ No. KP/ID _____,
tidak bersetuju menerima rawatan/prosedur _____
ke atas *saya/pesakit. Saya mengakui bahawa saya telah dimaklumkan dengan terperinci mengenai
rawatan/prosedur tersebut termasuklah keperluan dan kebaikannya.

Saya juga telah dimaklumkan dan memahami risiko-risiko yang boleh dihadapi jika rawatan/
prosedur ini tidak dilakukan.

Saya mengaku bahawa keputusan ini adalah di atas kerelaan diri saya sendiri. Saya akan
bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kemungkinan akibat tindakan saya ini.

Saya mengakujani tidak akan mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap pihak
hospital atau mana-mana pihak lain yang berkenaan sekiranya berlaku sebarang perkara yang tidak
diingini akibat daripada keputusan saya ini.

Tandatangan : _____
(*Pesakit/ibu/bapa/suami/isteri/anak/penjaga/saudara,
nyatakan hubungan: _____)
Alamat : _____
No. Telefon : _____
Tarikh : _____

Tandatangan penterjemah: _____
(jika ada)
Nama Penterjemah: _____
No. KP/ID : _____
Tarikh : _____
Bahasa yang digunakan: _____

Tandatangan Doktor : _____
Nama Doktor : _____
No. MPM : _____
Tarikh : _____
Cap Jawatan : _____

Tandatangan saksi : _____
Nama saksi : _____
No. KP/ID : _____
Jawatan : _____
Tarikh : _____

*Potong yang tidak berkenaan

m/s 1/1

Surat Permohonan Pelupusan Model Kajian Ortodontik



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KEDAH
 Aras 2, Menara Zakat
 Jalan Telok Wanjah
 05200 ALOR SETAR
 KEDAH DARUL AMAN



Telefon : 04-7332832/7335833/7305475/
 7335614
 Faks : 04-7337530
 Laman Web : <http://www.doe.gov.my>

Ruj.Kami : AS(B)K 92/000/104/007
 Jld 19(19)
 Tarikh: 14 Oktober 2021



Dengarah
 Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
 Jalan Kuala Kedah
 05400 ALOR SETAR
 KEDAH
 (u.p.: Dr. Nama Bibi Saerah binti Abd Karim)

Tuan,

**PERMOHONAN PELUPUSAN STUDY MODEL (MODEL KAJIAN) BAGI KLINIK
 PERGIGIAN PAKAR ORTODONTIK NEGERI KEDAH**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada surat tuan yang diterima Jabatan pada 5 Mei 2021 dan maklumat tambahan secara emel bertarikh 21 September 2021 mengenai perkara yang tersebut di atas.


2. Setelah dirujuk permohonan tuan kepada Bahagian Bahan Berbahaya JAS Putrajaya, adalah dimaklumkan bahawa model kajian seperti yang dikemukakan kepada Jabatan ini adalah tidak dikategorikan sebagai buangan terjadual mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.
3. Sehubungan itu, model kajian tersebut boleh dilupuskan dengan cara mengitar semula (recycle) dengan sebaik mungkin dan pelupusan bahan tersebut ke tapak pelupusan sanitari adalah pilihan terakhir sekiranya aktiviti kitar semula tidak dapat dilaksanakan.
4. Ketetapan ini adalah berdasarkan maklumat buangan sedia ada yang dikemukakan kepada Jabatan ini. Sekiranya terdapat sebarang perubahan di dalam proses dan jenis bahan mentah yang digunakan yang mana boleh menyebabkan perubahan komposisi kimia buangan, ketetapan ini adalah terbatal dan analisis kimia perlu dilakukan bagi menentukan klasifikasi buangan berdasarkan sifat berbahaya yang terdapat pada buangan tersebut dan permohonan semula kepada Jabatan ini hendaklah dibuat untuk ketetapan lanjut.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NORAZIZI BIN ADINAN)
 Pengarah
 Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"
 "Environmental Conservation, Our Shared Responsibility"




PERKAKUPAN ISO 9001:2015
 NO. SLS 1089 (SLS)

10. PENGHARGAAN

Penaung:

1. Dr. Noormi binti Othman
Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Penasihat:

1. Dr. Natifah binti Che Salleh
Pengarah
Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian KKM
2. Dr. Hajah Fatimah binti Abdullah
Ketua Perkhidmatan Kepakaran Ortodontik KKM

Ahli Jawatankuasa Kerja:

1. Dr. Sharihan binti Khashim
Pakar Ortodontik
Klinik Pakar Pergigian Kota Setar, Kedah
2. Dr. Soon Hooi Imm
Pakar Ortodontik
Unit Ortodontik, Klinik Pergigian Changlun, Kedah
3. Dr. Siti Aishah binti Salim
Pakar Ortodontik
Klinik Pakar Pergigian Kota Setar, Kedah
4. Dr. Chang Chiew Sinn
Pakar Ortodontik
Unit Ortodontik, Klinik Pergigian Kulim, Kedah
5. Dr. Yang Rafidah binti Hassan @ Md Hassan
Pakar Ortodontik
Unit Ortodontik, Klinik Pergigian Sungai Petani, Kedah
6. Dr. Ooi Ee Fen
Pakar Ortodontik
Unit Ortodontik, Klinik Pergigian Sungai Petani, Kedah
7. Dr. Azanee-Nur binti Mohd Arif Fadzillah
Pakar Ortodontik
Klinik Pakar Pergigian Kota Setar, Kedah

Sekretariat dan Editor:

1. Dr. Rapeah binti Mohd Yassin
Timbalan Pengarah
Cawangan Penjagaan Kesihatan Pergigian Kepakaran PKP KKM
2. Dr. Harathi a/p Dorairaja
Ketua Penolong Pengarah
Cawangan Penjagaan Kesihatan Pergigian Kepakaran PKP KKM
3. Puan Umi Khairul binti Abdul Kadir
Juruterapi Pergigian Kanan
Cawangan Penjagaan Kesihatan Pergigian Kepakaran PKP KKM